

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK : Bagaimanakah cara untuk mendaftar dalam sesebuah Komuniti PERWANI?	2
2	BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK : Bolehkan saya membuat pendaftaran Komuniti PERWANI tanpa nombor kad pengenalan ahli komuniti yang hendak didaftarkan?	2
3	BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK : Program atau aktiviti bagaimanakah yang paling digalakkan oleh Jabatan?	2
4	BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK : Dimanakah aktiviti Komuniti PERWANI boleh diadakan?	2

Isi Kandungan 1:

BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK :

Bagaimanakah cara untuk mendaftar dalam sesebuah Komuniti PERWANI?

Terdapat dua kaedah dalam membuat pendaftaran perkumpulan PERWANI iaitu secara *online* dan manual. Bagi permohonan *online*, setiap individu boleh mendaftarkan Komuniti PERWANI melalui akses ke sistem *online* di <http://iwanita.jpw.gov.my>.

Bagi permohonan secara manual, borang pendaftaran boleh didapati di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) yang terdekat, Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah.

Isi Kandungan 2:

BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK :

Bolehkan saya membuat pendaftaran Komuniti PERWANI tanpa nombor kad pengenalan ahli komuniti yang hendak didaftarkan?

Tidak boleh.

Isi Kandungan 3:

BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK :

Program atau aktiviti bagaimanakah yang paling digalakkan oleh Jabatan?

Aktiviti berbentuk kesukarelawanan dan keusahawanan yang membawa manfaat kepada masyarakat setempat adalah amat digalakkan. Antara contoh program yang boleh dilaksanakan adalah khidmat bantuan sokongan keluarga khususnya bagi mendengar permasalahan dan perkongsian luahan hati wanita setempat dan taklimat pemasaran produk untuk mendorong usahawan wanita meneroka pasaran yang lebih luas.

Isi Kandungan 4:

BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK :

Bagaimanakah caranya untuk saya mempromosikan / melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah Komuniti PERWANI saya laksanakan?

Melalui empat saluran berikut:

1. Melalui laman web sosial, ahli Komuniti PERWANI boleh "tag" Komuniti PERWANI 1Malaysia;
2. Di **Facebook**, sila "LIKE" laman "Komuniti PERWANI", dan seterusnya tag "Komuniti PERWANI" di mana-mana gambar aktiviti yang telah dijalankan;
3. Di **Twitter**, sila "FOLLOW" "@KomunitiPERWANI" dan sila tag di post aktiviti yang telah dijalankan; dan
4. Di **Instagram**, sila "FOLLOW" "komunitiperwani" dan tag di gambar aktiviti yang telah di "post" kan.

Isi Kandungan 4:

BAHAGIAN USAHASAMA STRATEGIK :

Dimanakah aktiviti Komuniti PERWANI boleh diadakan?

Diadakan di komuniti setempat dengan kos yang paling minimum.

Sumber Rujukan : <https://www.jpw.gov.my/soalan-lazim/>

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	Isi Kandungan 1: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Apakah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP)?	2
2	Isi Kandungan 2: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Siapakah yang layak memohon PBKP ini?	2
3	Isi Kandungan 3: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Agensi manakah yang terlibat?	2
4	Isi Kandungan 4: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Siapakah kumpulan sasaran yang akan menyertai program-program anjuran NGO yang menerima PBKP?	2
5	Isi Kandungan 5: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Apakah contoh program yang NGO boleh laksanakan?	3
6	Isi Kandungan 6: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Bagaimanakah tatacara permohonan PBKP?	3
7	Isi Kandungan 7: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Bagaimanakah pelaksanaan program?	4
8	Isi Kandungan 8: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Siapakah pelulus permohonan NGO yang memohon?	4
9	Isi Kandungan 9: BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : Bagaimanakah penyediaan Laporan Pelaksanaan Program PBKP?	4

Isi Kandungan 1:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Apakah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP)?

PBKP yang berkuatkuasa pada tahun 2001 adalah disasarkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan melaksanakan program-program KPWKM yang berteraskan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

Isi Kandungan 2:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Siapakah yang layak memohon PBKP ini?

Semua NGO yang berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966.

Isi Kandungan 3:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Agensi manakah yang terlibat?

Permohonan boleh dikemukakan kepada agensi di bawah KPWKM yang terlibat iaitu:-

1. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
3. Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN)

Isi Kandungan 4:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Siapakah kumpulan sasar yang akan menyertai program-program anjuran NGO yang menerima PBKP?

- 1) Pembangunan Wanita (JPW) :
 - a. B40 dan M40
 - b. Usahawan Wanita
 - c. Pelajar Sekolah/Universiti
- 2) Program Kesejahteraan Keluarga (LPPKN):
 - a. Lelaki dan Perempuan
 - b. Pasangan Suami Isteri
 - c. Remaja
 - d. Keluarga
- 3) Program Pembangunan Masyarakat (JKM) :
 - a. Kanak-kanak
 - b. Warga Emas
 - c. OKU
 - d. Papa Kedana
 - e. Mangsa Bencana
 - f. Pertubuhan Sukarela Kebajikan

Isi Kandungan 5:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Apakah contoh program yang NGO boleh laksanakan?

- 1) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Wanita :
 - a. Latihan dan peningkatan kemahiran
 - b. Peningkatan kapasiti wanita
 - c. Literasi Undang-undang
 - d. Pengurusan Emosi
 - e. Menangani keganasan terhadap wanita
 - f. Kepekaan gender

- 2) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Keluarga:
 - a. Kekeluargaan
 - b. Keibubapaan
 - c. Kebapaan
 - d. Persediaan perkahwinan
 - e. Pemantapan perkahwinan
 - f. Pembangunan remaja
 - g. Kesihatan reproduktif
 - h. Pencegahan HIV/AIDS

- 3) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Masyarakat:
 - a. Perlindungan dan Pemulihan Kanak-Kanak
 - b. Advokasi & Literasi Akta-Akta Sosial & Undang-Undang
 - c. Perlindungan dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (OKU)
 - d. Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas
 - e. Pemulihan dan peningkatan Kapasiti Orang Papa dan Pengemis
 - f. Kajian dan Latihan dalam Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat
 - g. Pembangunan Kapasiti Komuniti & Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)
 - h. Program-program sokongan kepada penghidap HIV/AIDS

Isi Kandungan 6:

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :

Bagaimanakah tatacara permohonan PBKP?

- 1) Mengemukakan Kertas kerja dalam Bahasa Malaysia
- 2) Permohonan lengkap dan mengikut format
- 3) Menepati bidang keutamaan dan kumpulan sasaran
- 4) Kemuka Permohonan SEBELUM program dilaksanakan
- 5) Tatacara pemprosesan PBKP seperti di Lampiran A.

Isi Kandungan 7:

**BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :
Bagaimanakah pelaksanaan program?**

- 1) Memaklumkan TARIKH JADUAL (TENTATIF) PELAKSANAAN PROGRAM, TEMPAT DAN NAMA PROGRAM berdasarkan Surat Perjanjian secara bertulis dalam TEMPOH 30 HARI selepas Surat Perjanjian ditandatangani.
- 2) Memaklumkan sebarang PERUBAHAN ALAMAT ATAU MAKLUMAT TERKINI Pertubuhan / Penerima Bantuan Khas.
- 3) SENTIASA MEMATUHI TERMA-TERMA dalam Surat Perjanjian dan Garis Panduan Pelaksanaan Program.
- 4) PERMOHONAN SECARA BERTULIS kepada Ketua Pengarah Agensi sekiranya Penerima Bantuan ingin:
 - a) menukar program (Rujuk : Klausula Pindaan, Tambahan dan Perubahan Surat Perjanjian); dan
 - b) melanjutkan tempoh pelaksanaan (3 bulan sebelum Surat Perjanjian TAMAT)

Isi Kandungan 8:

**BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :
Siapakah pelulus permohonan NGO yang memohon?**

Permohonan NGO akan di bawa masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Khas Perbendaharaan KPWKM untuk proses pemilihan. Proses pemilihan dibuat berdasarkan pengiraan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan

Isi Kandungan 9:

**BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN :
Bagaimanakah penyediaan Laporan Pelaksanaan Program PBKP?**

- 1) Laporan Pelaksanaan Program dikemukakan DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS PROGRAM berakhir.
- 2) PROGRAM SECARA BERSIRI/BERPERINGKAT, Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program dikemukakan MENGIKUT PERINGKAT, TAHAP ATAU STATUS BESERTA DOKUMEN SOKONGAN PERBELANJAAN dalam TEMPOH 30 HARI selepas program dilaksanakan.
- 3) Laporan dalam BAHASA MALAYSIA.
- 4) NGO yang menerima PBKP yang tidak mengemukakan LPP akan dianggap GAGAL melaksanakan program seperti dipersetujui dalam Surat Perjanjian.

Sumber Rujukan : <https://www.jpw.gov.my/soalan-lazim/>

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA : Bagaimana cara untuk mendaftar sebagai Ibu Tunggal dengan Jabatan Pembangunan Wanita?	2
2	BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA : Apakah jenis bantuan yang diberikan jika berdaftar sebagai Ibu Tunggal?	2
3	BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA : Apakah program kementerian yang memfokuskan golongan wanita luar bandar?	2

Isi Kandungan 1:

BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA :

Bagaimana cara untuk mendaftar sebagai Ibu Tunggal dengan Jabatan Pembangunan Wanita?

Pendaftaran boleh dibuat melalui laman sesawang iwanita.jpw.gov.my atau mengunjungi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh Malaysia.

Isi Kandungan 2:

BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA :

Apakah jenis bantuan yang diberikan jika berdaftar sebagai Ibu Tunggal?

1. Program peningkatan kemahiran dan
2. Latihan keusahawanan kepada golongan wanita yang ingin berkecimpung dalam bidang keusahawanan seperti program DeWi, Bazar Wanita, dan Program Bantuan Kesejahteraan Emosi menerusi Program Kaunseling.

Jabatan hanya menyediakan program berbentuk pembangunan kapasiti namun tidak menyediakan sumbangan atau bantuan kewangan. Ibu tunggal boleh memohon bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara bantuan yang diberikan adalah skim Bantuan Kanak-kanak (BKK). BKK diberikan kepada keluarga yang sedang memberi jagaan kepada anak/kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah, dengan kadar RM100 sebulan seorang dan kadar maksimum ialah RM450 sebulan sekeluarga melebihi empat (4) orang kanak-kanak.

Ibu Tunggal juga boleh memohon Bantuan AM (BA). Bantuan ini diberi kepada ibu tunggal yang bercerai atau ditinggalkan suami, yang miskin dan memerlukan bagi membantu menampung perbelanjaan harian keluarga dengan kadar RM100 sebulan dan kadar maksimum RM350 sebulan. Kelayakan minima bagi mendapatkan bantuan ini, pendapatan keluarga mestilah di bawah RM930 sebulan bagi Semenanjung, RM990 bagi Sarawak dan RM1,170 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Isi Kandungan 3:

BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR WANITA :

Apakah program kementerian yang memfokuskan golongan wanita luar bandar?

Program-program wanita di luar bandar dianjurkan dan dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK). Antara program berkenaan adalah program keusahawanan DeWi, sukarelawan PERWANI dan *Home Manager*.

Sumber Rujukan : <https://www.jpw.gov.my/soalan-lazim/>

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	Isi Kandungan 1: BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : Apakah bentuk perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan?	2
2	Isi Kandungan 2: BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : Bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan ini?	2
3	Isi Kandungan 3: BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : Adakah maklumat sesi kaunseling akan dirahsiakan?	2
4	Isi Kandungan 4: BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : Adakah perkhidmatan ini dikenakan bayaran?	2
5	Isi Kandungan 5: BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING : Bilakah waktu perkhidmatan disediakan?	2

Isi Kandungan 1:

BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING :

Apakah bentuk perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan?

Bentuk kaunseling yang ditawarkan adalah seperti berikut :

1. Bimbingan (individu, kelompok, kerjaya, keluarga, perkahwinan dan lain-lain)
2. Kaunseling Individu
3. Kaunseling Kerjaya
4. Kaunseling Kelompok
5. Kaunseling Keluarga
6. Kaunseling Perkahwinan
7. Kaunseling Krisis / Trauma
8. E-Kaunseling (Kaunseling atas talian/*whatapps*)
9. Tele – Kaunseling (Kaunseling melalui telefon)

Isi Kandungan 2:

BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING :

Bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan ini?

Anda boleh mendapatkan perkhidmatan ini dengan:

1. Datang ke pejabat
2. Temu janji
3. Telefon
4. Rujukan

Isi Kandungan 3:

BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING :

Adakah maklumat sesi kaunseling akan dirahsiakan?

Segala maklumat adalah dirahsiakan mengikut Kod Etika Kaunselor dan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

Isi Kandungan 4:

BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING :

Adakah perkhidmatan ini dikenakan bayaran?

Tidak. Perkhidmatan ini adalah percuma.

Isi Kandungan 5:

BAHAGIAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING :

Bilakah waktu perkhidmatan disediakan?

Isnin – Jumaat : 8.30 pagi – 5.30 petang

Sumber Rujukan : <https://www.jpw.gov.my/soalan-lazim/>